

Headline	Debaran hoki 7 sebelah		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	14 Oct 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	79
Section	Arena	Journalist	Mohd Rafi Mamat
ArticleSize	378 cm ²		
PR Value	RM 44,502		



Debaran hoki 7 sebelah

**keseluruhan
RM17,000
jadi rebutan
140 pasukan**

Mohd Rafi Mamat

Sebanyak 140 pasukan tempatan dan luar akan bersaing pada Kejohanan Kuantan 7's Hockey Challenge dijadualkan berlangsung esok dan Ahad di Stadium Hoki Wisma Belia Indera Mahkota.

Kejohanan musim ketiga anjuran Persatuan Hoki Daerah Kuantan (PHDK) itu membabitkan enam kategori lelaki dan perempuan yang menawarkan hadiah keseluruhan RM17,800.

Timbalan Presiden PHDK Najmi Razak berkata, kejohanan kali ini mendapat sokongan Persatuan Hoki Pahang (PHP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Nestle Malaysia Berhad, Kota SAS, Majlis Sukan Pahang (MSP) dan Genting Malaysia.

Katanya, sambutan terhadap kejohanan kali ini begitu menggalakkan hingga memaksa pengangur menolak penyertaan beberapa pasukan tempatan berikutan kesuntukan masa.

"Padang hoki SUKPA Indera Mahkota terpaksa digunakan bagi menjadikan tiga gelanggang semuanya, taruhan hadiah lumayan dan imej kejohanan menjadi penyebab sambutan mengga-

lakkan kali ini.

"Walaupun kejohanan kali ini tidak dapat disertai ramai pemain kebangsaan namun kemeriahannya tetap ada berikutan penyertaan beberapa kelab terbaik di negara ini yang tidak kurang hebatnya.

"Jumlah terbanyak membabitkan pasukan remaja ia itu lebih 50 penyertaan diikuti kategori terbuka, 37 pasukan dan selebihnya pelajar sekolah," katanya pada sidang media, semalam.

Najmi berkata, hadiah lumayan berjumlah RM2,500 menanti juara kategori terbuka lelaki dan RM1,000 kategori perempuan terbuka. Johan kategori lelaki bawah 12 tahun akan menerima RM1,200.

Menurutnya, majlis penyampaian hadiah dijangka disempurnakan Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan Pahang Datuk Mohd Johari Hussain di Stadium Hoki Wisma Belia, Ahad ini.

"Saya bagi pihak pengangur menjemput peminat hoki di daerah ini untuk datang menyaksikan kejohanan selama dua hari itu, sebarang bayaran tidak dikenakan kepada penonton," katanya.

Headline	Debaran hoki 7 sebelah		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	14 Oct 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	79
Section	Arena	Journalist	Mohd Rafi Mamat
ArticleSize	378 cm ²		
PR Value	RM 44,502		

